



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

DEWAN RAKYAT LULUS RANG UNDANG-UNDANG (RUU) RUKUN TETANGGA (PINDAAN) 2025

PUTRAJAYA, 2 Disember 2025 – Dewan Rakyat hari ini telah meluluskan Rang Undang-Undang Rukun Tetangga (Pindaan) 2025. RUU ini telah dibentangkan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

Dua aspek utama telah diberi tumpuan dalam pindaan Akta 751 ini iaitu pemanjangan tempoh pelantikan Anggota Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga (AJKRT) dan cadangan untuk memperkemaskan peruntukan Akta Rukun Tetangga sedia ada. Aspek pemanjangan tempoh pelantikan AJKRT merujuk kepada **pemanjangan tempoh pelantikan AJKRT kepada tiga tahun bagi setiap penggal manakala pelantikan secara berturut-turut dihadkan selama dua penggal atau maksimum enam (6) tahun keseluruhannya di dalam Kawasan yang sama. Pelantikan semula juga boleh dibuat bagi tempoh yang tidak melebihi satu penggal tambahan dengan kelulusan Ketua Pengarah Rukun Tetangga.**

Bagi aspek memperkemaskan peruntukan Akta Rukun Tetangga sedia ada pula, pindaan-pindaan tersebut adalah seperti berikut:

- a. Memperkenalkan takrif baharu “orang yang mempunyai kepentingan”;
- b. Menegaskan pelantikan Ketua Pengarah Rukun Tetangga sebagai pegawai awam dan pekhidmat awam yang melaksanakan kewajipan sebagai ketua jabatan;
- c. Menetapkan bahawa hanya warganegara sahaja yang boleh dilantik sebagai anggota AJKRT;

- d. Mengadakan peruntukan bagi pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan seseorang AJKRT yang dilantik; dan
- e. Memperhalusi syarat keanggotaan dan pelaksanaan SRS dengan memperuntukkan bahawa hanya pemastautin serta orang yang mempunyai kepentingan dalam KRT yang merupakan warganegara boleh membuat permohonan untuk menjadi anggota SRS.

YB Datuk Aaron Ago Dagang berkata, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melihat bahawa akta ini perlu dipinda dan disesuaikan dengan keperluan semasa bagi memperkukuhkan peranan dan fungsi Rukun Tetangga ke arah membangun komuniti progresif bagi mendepani cabaran semasa setelah menjadi rujukan dalam pelaksanaan Rukun Tetangga selama 13 tahun.

KPN yakin bahawa pindaan terhadap Akta Rukun Tetangga 2012 adalah satu langkah strategik selaras dengan keperluan semasa serta berupaya mengukuhkan fungsi RT dan Skim Rondaaan Sukarela (SRS), meningkatkan keberkesanan pelaksanaan dasar kerajaan di peringkat akar umbi serta menyumbang kepada penjimatan kos pentadbiran tanpa melibatkan implikasi kewangan tambahan.

Kementerian Perpaduan Negara

2 Disember 2025

KPN.100-9/1/16 (101)